

## MELURUS KEFAHAMAN WAḤDAH AL-WUJŪD DALAM KONTEKS AKIDAH

*Straightening The Understanding of Waḥdah al-Wujūd  
Based on Islamic Theological Perspectives*

<sup>i</sup>\*Muhammad Khairi Mahyuddin

<sup>i</sup>Program Da'wah & Pengurusan Islam, Fakulti Kepimpinan & Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia

\*(Corresponding author) e-mail: [muhdkhairi@usim.edu.my](mailto:muhdkhairi@usim.edu.my)

### ABSTRAK

Di Malaysia, istilah *waḥdah al-wujūd* merupakan isu tasawuf yang berkaitan dengan ajaran sesat kerana bertentangan dengan ajaran akidah. Malah, terdapat fatwa di peringkat Persekutuan dan negeri mengharamkan doktrin ini secara umum. Lantaran daripada pengeluaran fatwa tersebut telah memberi impak besar kepada masyarakat awam dan pengamal tasawuf khususnya yang masih memahami isu *waḥdah al-wujūd* dengan maksud dan manhaj sebenar yang diperakui oleh ulama sufi muktabar. Objektif kajian ini ialah untuk menjelaskan doktrin *waḥdah al-wujūd* dan perbezaan antara ciri-ciri *waḥdah al-wujūd* yang betul dan salah berdasarkan manhaj sufi sebenar yang dihurai oleh para ulama sufi muktabar. Metodologi kajian ini adalah kajian sejarah dan tekstual analisis kitab-kitab *turath* ulama' tasawuf muktabar. Hasil daripada kajian menunjukkan bahawa *waḥdah al-wujūd* ini merupakan istilah yang tidak boleh difahami secara literal kerana boleh membawa kepada salah penafsiran dan kefahaman. *Waḥdah al-wujūd* mestilah dihurai mengikut manhaj ulama sufi sebenar dan menepati prinsip-prinsip akidah yang disepakati. *Waḥdah al-wujūd muwahḥidah* adalah diterima kerana menepati akidah dan Syariah, manakala *waḥdah al-wujūd mulhidah* ditolak kerana bercanggah dengan kedua-dua asas tersebut.

**Kata Kunci:** *waḥdah al-wujūd*, manhaj sufi, fatwa.

### ABSTRACT

In Malaysia, the term *waḥdah al-wujūd* is an issue of tasawuf related to heretical teachings because it is contrary to the teachings of the creed. There are fatwas at the Federal institution and states have issued fatwas banning this doctrine in general. Because of the issuing of the fatwa, it has greatly impacted to the general public and Sufis practitioners in particular who still understand the issue of *waḥdah al-wujūd* with the true meaning and method certified by authoritative Sufi scholars. The objective of this study is to explain the doctrine of *waḥdah al-wujūd* and the difference between the right and wrong characteristics of *waḥdah al-wujūd* based on the real Sufi's methodology described by the authoritative Sufi scholars. The methodology of this study is a historical study and textual analysis of Sufi books. The study shows that *waḥdah al-wujūd* is a term that cannot be understood literally because it can lead to misinterpretation and misunderstanding. *Waḥdah al-wujūd* must be explained according to the method of real Sufi scholars and follow the principles of the approval creed. *Waḥdah al-wujūd*

*muwahhidah* is acceptable because it conforms to creed and sharia, whereas *wahdah al-wujūd mulhidah* is rejectable because it contradicts the two foundations.

**Keywords:** *wahdah al-wujūd*, manhaj sufi, fatwa.

## PENDAHULUAN

Menerusi sejarah sufi, istilah *wahdah al-wujūd* telah digunakan oleh para pengikut Muḥammad bin ‘Alī (w. 638H/1240M) yang dikenali dengan Ibn ‘Arabī. Dalam karya Ibn ‘Arabī sendiri tiada perkataan istilah *wahdah al-wujūd* digunakan secara jelas. Yang dikesan hanya istilah lain seperti *al-wujūd al-wahid*. Namun begitu kerangka untuk membahaskan kewujudan hakiki Allah dan hubungan dengan alam telah diolah oleh pengikutnya dengan istilah *wahdah al-wujūd* secara jelas seperti ‘Abd al-Ḥaqq bin Sab‘īn al-Mursī (w.1271M) dalam *Anwār al-Nabī Asrāruha wa Anwā’uhā*, Muḥammad Faḍl Allāh al-Burhanfurī (w.1620M) dalam *al-Tuḥfah al-Mursalāh ilā Rūḥ al-Nabī*, ‘Abd al-Ghanī al-Nabulusī (w.1731M) dalam *Idah al-Maqṣūd min Ma’nā Wahdah al-Wujūd*, Ibrāhīm bin Ḥasan al-Kuranī (w.1690M) dalam *Ittihāf al-Dhaki bi Sharḥ al-Tuḥfah al-Mursalāh ilā al-Nabī*. Muḥammad bin Ja’far Al-Kattānī (w.1927M) dalam *Jala’ al-Qulūb min al-Asada al-Ghainiyyah bi Bayān Ihātah bi al-‘Ulūm al-Kawniyyah*, Ahmad Ibn ‘Abd al-Raḥīm (w.1762M) dikenali dengan Shah Wali Allāh al-Dihlawī dalam kitabnya *al-Taḥfīmat al-Ilāhiyyah* dan Ahmad Ibn Muhammad (w. 1809M) dalam kitab *Taqyidānī fī Wahdah al-Wujūd li Sayyidī Ibn ‘Ajibah* dan lain lain lagi.

Di Alam Melayu, doktrin *wahdah al-wujūd* melibatkan perbahasan tawhid menurut mazhab sufi. Istilah ini telah dibincangkan oleh beberapa ulama Melayu dalam karangan tulisan jawi Melayu seperti Dāwud al-Faṭānī (w.1847M) dalam *Manhal al-Safī fī Bayān Rumūz Ahl al-Ṣuḥfī*, ‘Abd al-Ṣamad al-Falimbanī (w.1789M) dalam *Sayr al-Sālikīn* dan Muḥammad Nāfis al-Banjārī (w.1795M) dalam *al-Dūr al-Nāfis*. Doktrin *wahdah al-wujūd* dihuraikan dalam tujuh martabah seperti *lā ta’āyūn, ta’āyūn awwāl, ta’āyyūn thānī, ‘alām al-arwāḥ, ‘alām al-mithāl, ‘alām al-ajsād dan martabah al-insān*. Ketujuh-tujuh martabah melibatkan beberapa istilah lain seperti *tajallī, fayd, shuhūd*, sebagai jalan pengolahan kefahaman secara *aqlī* dan *dhawqī* terhadap martabah Allah yang bersifat *Wujūd Muṭlaq, Fā’iliyyah, Khāliqiyyah* serta pengejalan keEsaan-Nya dari aspek *af’āl, sifat, asmā’ dan dhāt* sebelum dan sesudah alam-alam ini diciptakan. Konsep ini juga melibatkan perbahasan perbezaan antara martabah Allah dan martabah alam sebagai *mumkinat* dan makhluk baharu. Ketiga-tiga kitab tersebut dipengaruhi oleh kitab Arab iaitu *al-Tuḥfah al-Mursalāh ilā Rūḥ al-Nabī* karangan Muḥammad Faḍl Allāh al-Burhanfurī (w.1620M)<sup>1</sup>

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kajian sejarah dan kajian tekstual. Ia melibatkan tinjauan sejarah dan asal-usul doktrin *wahdah al-wujūd* dalam ilmu tasawuf. Manakala, kajian tekstual pula melibatkan analisis kandungan perbahasan dan olahan ulama

<sup>1</sup> Muhammad Khairi Mahyuddin, *Al-Tawhid from Sufi’s Perspective an Analytical Study of Al-Durr Al-Nafis of Muhammad Nafis Al-Banjari*, (Selangor: Akademi Jawi Malaysia Sdn Bhd, 2021),81-85; Muhammad Khairi Mahyuddin, Ahmad Najaa’ Mokhtar, Faudzinain Badaruddin, Abdull Rahman Mahmood, Wan Haslan Khairuddin, Khairatul Akmar Ab Latif, “Penjelasan dan Analisis Kritikal Doktrin Martabat Tujuh Dalam Kerangka Ahli Sunnah Wal Jamaah”, *Journal of Ifta and Islamic Heritage*. Vol. 2, No. 1 (2023), 110-139.

dalam kitab-kitab *turath* Islam dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu. Ia lebih kepada menganalisa maksud dan huraian sebenar maksud *wahdah al-wujūd* mengikut kerangka sebenar dan membezakannya dengan fahaman yang menyeleweng daripada Islam. Selain itu, fatwa di Malaysia juga dikaji untuk melihat sudut yang menghukumkan *wahdah al-wujūd* sebagai doktrin menyeleweng dan sesat.

### DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian mendapati bahawa doktrin *wahdah al-wujūd* telah diharamkan dan difatwakan sesat oleh beberapa institusi fatwa seperti fatwa Negeri Selangor pada 5hb Julai 2001, Kedah dan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia pada tahun 2000. Sighah-sighah fatwa adalah seperti berikut:

### FATWA SELANGOR

#### Fatwa Tentang Fahaman Wahdatul Wujud

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 31 (1) dan seksyen 32 Enakmen Pentadbiran Islam 1989, Mufti bagi Negeri Selangor, selepas berbincang dengan Jawatankuasa Perunding Hukum Syara', membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

(1) Fahaman Wahdatul Wujud adalah menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar. Oleh yang demikian, umat Islam adalah dilarang mengamalkan fahaman tersebut.

(2) Orang yang telah mengambil ijazah atau mengamalkan Fahaman Wahdatul Wujud hendaklah segera bertaubat dan memohon keampunan kepada Allah SWT.

### FATWA KEDAH

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah yang bersidang pada 29 Julai 2000 telah membincangkan mengenai Fahaman Wahdatul Wujud. Mesyuarat telah bersetuju dengan sebulat suara bahawa fahaman Wahdatul Wujud menyalahi aqidah Ahlus Sunnah Wal Jamaah dan bertentangan dengan ajaran Islam.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (Jawatankuasa Muzakarah MKI) telah memutuskan bahawa:

1. Fahaman Wahdatul Wujud menyalahi akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan bertentangan dengan ajaran Islam.
2. Bersetuju dengan Fatwa rasmi Negeri Johor yang telah diputuskan pada tahun 1948 oleh S.S. Syed Alawi Tahir Al-Hadad seperti berikut: "Mengikut pendapat ijma ulama' fahaman Wahdatul Wujud adalah kufur. Sesiapa yang mempercayai dan mengamalkan adalah murtad. Jika fahaman pengamal tersebut mempunyai isteri, isterinya tertalak dan anaknya adalah anak luar nikah dan hartanya hendaklah diserahkan kepada Baitulmal".
3. Kitab Kasyf al-Asrār, al-Durr al-Nāfis, Hidāyah as-Sālikin dan kitab-kitab lain yang mempunyai elemen-elemen *wahdah al-wujūd* tidak dibenarkan dipelajari di masjid-masjid dan di surau-surau.

Fatwa mengenai pengharaman doktrin *wahdah al-wujūd* dilihat diwartakan secara umum dan ringkas. Hal ini berkemungkinan dilihat berasaskan kepada kajian kontemporari

dan kesalah fahaman golongan tareqat-tareqat tertentu atau ibarat dan istilah yang digunakan di dalam kitab-kitab tasawuf yang mengandungi doktrin *waḥdah al-wujūd*. Dalam kalangan ulama Melayu yang mengkritik dan menyalahkan *waḥdah al-wujūd* sebagai sesat ialah Shaykh Ahmad Khatib Minangkabaw (w.1916M) dalam kitab *al-Shumūs al-Lami'ah fī Radd Ahl al-Sab'ah*. Kemudian secara rasminya, doktrin ini telah difatwakan sesat oleh Mufti Kerajaan Johor; Sayyid 'Alwi Tahir al-Haddad (w.1962M). Beliau mengatakan bahawa *waḥdah al-wujūd* dipengaruhi oleh ajaran agama Hindu. Golongan yang berpegangan dengan *waḥdah al-wujūd* adalah salah dan sesat. Kajian kontemporari yang dijalankan oleh Abdul Fatah Harun turut memuatkan beberapa kesalahan dan ciri-ciri kesesatan *waḥdah al-wujūd* sebagai doktrin yang berasal daripada gabungan ajaran falsafah Greek, Hindu dan Syiah.<sup>2</sup>

Antara karangan beliau yang mendedahkan kesesatan *waḥdah al-wujūd* di Alam Melayu adalah seperti Ahli Sunnah Wujudiyah Batiniyah, Ajaran Sesat, Beberapa Masalah Utama Tasawuf, Martabah Tujuh *Tajalii* (Penampakan) Allah Melalui Tujuh Martabat. Justeru itu, *waḥdah al-wujūd* telah difahami sebagai ajaran yang mengandungi unsur *ittihad* dan *hulūl*, bertentangan dengan usul akidah dan mengabaikan syariah Islam. Ciri-ciri ini menepati doktrin *waḥdah al-wujūd mulḥidah*. Atas alasan ini, *waḥdah al-wujūd* telah diharamkan dan dihukum kufur dan sesat secara umum oleh berapa fatwa negeri. Hujahan kritikan doktrin ini juga ada alasannya kerana golongan ahli *Ilhad*, zindiq dan pengingkaran syariah turut membahas *waḥdah al-wujūd* dalam versi sesat mereka. Hal ni dinyatakan oleh Shaykh 'Abd al-Ghanī al-Nabulusī dalam kitab *Idah al-Maqṣūd fī Bayān Waḥdah al-Wujūd*:

الحمد لله الموصوف بوحدة الوجود على ما تعرفه أهل المعاينة والشهود لا على معنى الفاسد  
الذي عند أهل الإلحاد والزندقة وأهل الإنكار والجحود لأن كل شيء من جهة نفسه معدوم  
مفقود وإنما هو بوجود الله موجود

*Maksudnya: Segala puji bagi Allah bersifat bersifat dengan waḥdah al-wujūd atas yang telah dijelaskan oleh Ahl al-mu'ayanah dan al-shuhud bukan atas jalan makna fasad yang dijelaskan oleh golongan ilhad, zindiq dan pengingkar hukum syariah kerana setiap sesuatu dari arah dirinya adalah dihukum tiada, sesungguhnya sesuatu itu wujud dengan berdiri atas kewujudan.*<sup>3</sup>

Walaupun demikian, kajian lanjutan yang mendalam telah dilakukan dan dibezakan antara *waḥdah al-wujūd al-mulḥidah* (*wujudiyah mulḥidah*) yang salah dan *waḥdah al-wujūd muwaḥhidah* (*wujudiyah muwaḥhidah*) yang benar<sup>4</sup>. Pada 14 Oktober 2014, kajian Tariqah Ahmadiyah Idrisiyyah, Kajian Perkembangan dan Amalannya Di Malaysia telah berjaya dilakukan dan dibentangkan dalam Muzakarah Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI). Hasil di Muzakarah Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam

<sup>2</sup> Abdul Fattah Haron Ibrahim, *Ahli Sunnah dan Wujudiah-Batiniyah (Mengenai Ajaran Salah)*, (Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, 1999), 162.

<sup>3</sup> al-Nabulusi Abd al-Ghanī Ismā'il. *Idah al-Maqṣūd min Ma'na Waḥdah al-wujūd*, (Kaherah: Dār Afaq al-Arabiyyah, 2003), 55.

<sup>4</sup> *Tuhfah al-Rāghibīn bi Bayān Haqiqah Imān al-Mu'minīn*, (Thailand: Maktabah wa Maṭba'ah Muḥammad al-Nahdī wa Auladah, t.th), 17.

Malaysia (MKI) yang bersidang kali ke 109, pada 18-19 Oktober 2016, berpendapat bahawa Tarekat Ahmadiyyah Idrisiyyah ini diterima sebagai *tareqat muhtabarah* dan segala doktrin tawhid dan amalannya adalah tidak bertentangan dengan Islam. Aspek berkaitan kepercayaan dan amalan dalam Tarekat Ahmadiyyah Idrisiyyah di Malaysia oleh semua cabang Tarekat Ahmadiyyah Idrisiyyah di Malaysia tidak bertentangan dengan prinsip aqidah dan syariah Islam dalam kerangka Ahli Sunnah Wal Jamaah<sup>5</sup>.

Hasilnya beberapa negeri telah menerima fatwa tersebut dengan sikhah tersebut dengan status: tiada diwartakan seperti Selangor dan Johor:<sup>6</sup>

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Kali Ke-3/2017 yang bersidang pada 27 April 2017 bersamaan 30 Rajab 1438H berkaitan Tarekat Ahmadiyyah Idrisiyyah: Kajian Perkembangan dan Amalannya di Malaysia memutuskan bahawa:

1. Kandungan zikir, selawat dan tahlil yang terdapat di dalam pengamalan Tarekat Ahmadiyyah Idrisiyyah tidak bertentangan dengan unsur-unsur akidah dan amalan Ahli Sunnah Wal Jamaah; dan
2. Aspek berkaitan kepercayaan dan amalan dalam Tarekat Ahmadiyyah Idrisiyyah yang diamalkan oleh semua cabang-cabang Tarekat Ahmadiyyah Idrisiyyah di Malaysia tidak bertentangan dengan prinsip syariat Islam dalam kerangka Ahli Sunnah wal Jamaah. Fatwa ini dibuat berdasarkan Seksyen 52 (1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 kerana telah disebarkan maklum dalam Pre-Council Mesyuarat Majlis Raja-Raja pada 23 Februari 2017.

Namun begitu, daripada kajian tersebut pihak JAKIM membuat kajian lanjutan terhadap beberapa istilah yang menjadi asas kefatwaan dan salah faham seperti *wahdah al-wujud* dan lain-lain. Maka satu kajian lanjutan dijalankan iaitu Kajian Semula Kedudukan Tawassul, Rabitah, *Wahdat al-Wujud* dan *Yaqazah* pada 18 Disember 2017 -27 Disember 2018. Hasil dapatan kajian ini turut diterima oleh Muzakarah Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI). Keputusannya adalah seperti berikut:

Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI), kali ke 166 pada 20-21 November 2019 telah membincangkan berkaitan Kajian Semula Kedudukan Tawassul, Rabitah, *Wahdat Al-Wujud* Dan *Yaqazah*. Muzakarah telah bersetuju bahawa tawassul, rabitah, *wahdat al wujud* dan *yaqazah* yang selari dengan aqidah, Syariah dan akhlak adalah diterima. Walau bagaimanapun, kefahaman dan amalan yang menyelewang daripada konsep sebenar tawassul, rabitah, *wahdat al wujud* dan *yaqazah* adalah dilarang. Satu garis panduan akan disediakan berkenaan amalan dan kefahaman yang selari dan tidak bercanggah dengan aqidah Ahli sunnah wal Jamaah.<sup>7</sup>

Terdapat berapua ulama Melayu yang menghuraikan doktrin *wahdah al-wujud* selari dengan Syariah dan akidah berdasarkan manhaj sufi. Antaranya ialah Shaykh Islam Kedah, Haji Wan Sulaiman b. Wan Sidik, (w.1935M) Shaykh Islam Negeri Kedah yang ketiga dalam kitabnya *Hawd Al-Mawrūd fī Bayān Ma'na Wahdah al-wujud*. Beliau membahagikan *wahdah wujud* kepada empat mazhab iaitu mazhab jumhur sufi dengan pegangan *al-kullu ainuhu*, mazhab fukaha' dengan pegangan *al-kullu bihi*, mazhab Ibn 'Arabī dengan pegangan *al-kullu huwa* dan mazhab Ahmad al-Sirhindi (w.1624M) dengan pegangan *al-kullu minhu*.

<sup>5</sup> Kompilasi Pandangan Hukum Jawatankuasa Muzakarah Majlis kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI), (Kuala Lumpur: JAKIM, 2021), 42.

<sup>6</sup> (<http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/3>)

<sup>7</sup> Kompilasi Pandangan Hukum Jawatankuasa Muzakarah Majlis kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) , (Kuala Lumpur: JAKIM, 2021), 49

Kesimpulannya, kesemua mazhab adalah benar menurut kurniaan kerohanian dan cara takrir kefahaman masing-masing dalam mentawhidkan Allah<sup>8</sup>.

Oleh kerana terdapat perbezaan huraian antara *waḥdah al-wujūd mulhidah* dan *waḥdah al-wujūd muwwahidah*. Pengharaman fatwa *waḥdah al-wujud* secara umum mestilah diperincikan dan dijelaskan dengan beberapa ciri kesalahannya yang membezakannya dengan ciri-ciri *waḥdah al-wujūd muwahhidah* yang sebenar yang tidak bertentangan dengan Syariah dan akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah.<sup>9</sup>

## PERBINCANGAN

*Waḥdah al-wujūd* merupakan perbincangan mengenai kewujudan Allah yang *mutlaq*, *tanzih* dan *taqdis*. *Waḥdah al-wujūd* merupakan istilah yang merujuk kepada pengalaman kerohanian dalam pengukuhan keyakinan terhadap kewujudan hakiki Allah secara *dhawqi* dan *wijdani*. Ulama kalam dan sufi juga mengakui terdapat beberapa martabah Iman. Shaykh Zayn al-‘Ābidīn bin Muḥammad al-Faṭānī dalam kitab *Aqīdah al-Najīn fī ‘Ilm Uṣūl al-Dīn* membahagikan iman kepada lima martabah: *imān al-taqlīd*, *imān al-ilmī*, *imān al-a’yyān*, *imān al-ḥaqq* dan *imān al-ḥaqīqat* (*maqam fana’ shuhud* kepada Allah). Shaykh Muhammad Amin al-Kurdi juga membahagikan iman kepada empat bahagian: *Imān al-munāfiqīn*, *imān ammah al-mu’minīn*, *imān al-muqarrabīn* dan *imān ahl al-fanā fī al-tawḥīd al-mustaqriqīn fī al-mushāhadah*. Shaykh Abdul al-Ghanī al-Nabulisi juga membahagikan iman kepada tiga martabah: *imān al-muqallidīn*, *imān al-mustadillīn* dan *imān al-arifīn*. Begitu juga Imam al-Ghazalī membahagikan iman kepada empat martabat: *imān munāfiq*, *imān al-awwām*, *imān muqarrabīn* dan *imān al-siddiqīn*, yang dikenali *al-fanā fī al-tawḥīd*, *lā yarā fī al-wujud illā wāhidā*.<sup>10</sup> Walaupun terdapat pelbagai istilah yang diberikan oleh para ulama mengenai martabah iman tetapi menunjukkan maksud yang hampir sama.

Imam al-Ghazali mengungkap banyak ibarat *al-fanā fī al-tawḥīd* dalam beberapa perbincangan dalam *Ihyā’ Ulūm al-Dīn* seperti dalam bab *al-tawḥīd wa al-tawwakal*, *al-ṣabr wa al-shukr*, *al-maḥabah wa al-shawq wa al-uns wa al-ridā*, contohnya:

والرابع الموحد بمعنى أنه لم يحضر في شهوده غير الواحد فلا يرى الكل من حيث أنه كثير بل  
من حيث أنه واحد وهذه هي الغاية القصوي في التوحيد

Maksudnya: Dan yang keempat, *al-muwahhid* dengan makna sesungguhnya dia tidak menghadirkan (dalam hatinya) pada pandangan *shuhudnya* selain Wujud Yang Esa, maka dia tidak memandang kewujudan semua alam ini sebagai banyak (berbilang bilang) tetapi daripada satu aspek pandangan

<sup>8</sup> Wan Sulaiman b. Wan Sidik, *Hawd al-Mawrud fī Bayan Waḥdah al-wujūd*. (Pulau Pinang: Persama Press, 1334H), 3-18.

<sup>9</sup> *Tuhfah al-Rāghibīn bi Bayān Haqiqah Imān al-Mu’minīn*, (Thailand: Maktabah wa Maṭba’ah Muḥammad al-Nahdī wa Auladah, t.th), 17.

<sup>10</sup> Zayn al-Ābidīn Ibn Muḥammad, *Aqīdah al-Najīn fī ‘Ilm Uṣūl al-Dīn*, Tahqīq & Taklīq: Abū Qutaybah Rashidī Abd al-Rahman al-Faṭānī. (Fatani: Al-Ma’had al-‘Alī li Dirāsāt al-Islāmiyyah wa al-‘Arabiyyah, 2020), 492-493; al-Kurdi, Muḥammad Amīn. *Tanwīr al-qulūb fī mu’āmalah allam al-quyūb*. (Beirut: Dār al-Fikr, 1994), 111; al-Nabulisi Abd al-Ghanī Ismā’il, *Jawāhir al-Nusūs fī ḥall kalimāt al-fusūs*. (Beirut: Dār al-kutub al-‘ilmiyyah, 2008), 36; al-Ghazalī, Muḥammad Muḥammad. *Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn*. Juzuk 4 (Beirut: Dār al-Fikr, 1995), 210-211.

(mata hati) bahawa kesemua kewujudan alam ini terbit (di jadikan) daripada ciptaan Wujud Yang Esa. Inilah maqam tertinggi dalam tawhid<sup>11</sup>.

Selain itu, Imam al-Ghazali juga menyebut ibarat *fanā fi al-tawḥīd* dalam kitab *Mishkāt al-Anwār*, contohnya:

العارفون بعد العروج إلى سماء الحقيقة اتفقوا أنهم لم يروا في الوجود إلا الواحد الحق لكنهم منهم  
كان له هذه الحالة عرفانا علميا ومنهم من صار له ذوقا وحالا وتفتت منهم الكثرة بالكلية  
واستغرقوا بالفردانية المحضة

Maksudnya: Orang Arifin selepas mencapai ketinggian hakikat kerohanian, maka mereka telah sepakat bahawa mereka tidak melihat dalam kewujudan alam ini melainkan Wujud Yang Esa lagi Yang Benar, tetapi sebahagian mereka yang beza dalam hal kerohanian ini bersifat makrifah ilmu dan sebahagian mereka berada dalam dhwaq dan hal kerohanian sehingga ternafi dalam pandangan (mata hati) mereka kewujudan alam ini keseluruhannya dan telah tenggelam dalam pandangan kerohanian hanya KeEsaan wujud yang mutlak<sup>12</sup>

Kesemua hal pengalaman kerohanian ini bergantung kepada tahap *al-mushāhadah wā al-i'tibār* di dalam hati yang termasuk dalam *ilm al-mukāshafah*<sup>13</sup>

Begitu juga Ibn Taimiyyah, Ahmad b 'Abd al-Halim (w.1328M) turut membahaskan konsep *fana* dalam *Majmū' al-Fatāwā* terbahagi kepada tiga martabah. *Fana' 'an shuhūd wujūd al-siwa* (*fana' wujūdi* menafikan secara mutlaq perbezaan Tuhan dengan makhluk), *Fana' an shuhūd al-siwā* (*waḥdah al-shuhūd*) lenyap diri dalam penyaksian hati selain daripada Allah) dan *al-fana' an ibadah al-siwa* (*Fana* dalam menyembah yang lain daripada Allah)<sup>14</sup>. Manakala Ibn Qayyim dalam *Madārij al-sālikīn* membahaskan *fana ahl al-tawḥīd wa al-istiḳāmah*. Beliau membahagikan kepada dua: Pertama, *al-fana fī shuhūd al-rubūbiyyah wal qayyūmiyyah fayashad tafarrada al rabbī Taāla bi al-qayyumiyyah wal tadbir wa al-khalq wal al-rizq*. Kedua, *al-fana fī mashad ilāḥiyyah. Waḥaḥiqatuhu al-fana' an irādah ma siwa Allah wa maḥabbatihi wal inābah ilayhi wal tawakkal 'alayhi*.<sup>15</sup>

Iman pada martabah *ḥaqīqāt fana' al- 'Arifīn dan al-Ṣiddīqīn* merupakan perbincangan *tawḥīd dhawqī* dan *wijdanī* oleh golongan sufi. Martabah *tawḥīd dhawqī* dan *wijdanī* golongan sufi juga diiktiraf sebagai manhaj ahli sunnah wal Jamaah. 'Abd al-Waḥḥāb b. 'Alī b. 'Abd al-Kāfī al-Subkī, (727-771H / 1328-1370M) menjelaskan bahawa *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* terbahagi kepada tiga golongan mengikut manhaj mereka. Pertama, golongan *Muḥaddithun* (*ahl al-Ḥadīth*), berpandukan al-Quran, hadis dan *Ijma'*. Kedua, golongan *mutakallimun* (*ahl al-nazār wa al-'aql*) daripada *al-Ashā'iriyyah* and *al-Mātūrīdiyyah* berpandukan akal dan

<sup>11</sup> al-Ghazalī, Muḥammad Muḥammad, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*. (Beirut: Dar al-Fikr 1995), 4: 211-220

<sup>12</sup> al-Ghazalī, Muḥammad Muḥammad, *Mishkāt Al-Anwār* (Majmū'ah al-Rasā'il), (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.th), 11-13.

<sup>13</sup> al-Ghazalī, Muḥammad Muḥammad, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*. (Beirut: Dar al-Fikr 1995), 4: 211-220.

<sup>14</sup> Mohd Nasir Mohd Tap. *Mencarik Ilusi Mengapai Realiti Wacana Tasawuf, Tareqat & Pemikiran Kalam Imam Ahmad Al-Sirhindi*, (Selangor: Akademi Kajian Ketamadunan, 2009) 85-95.

<sup>15</sup> Ibn Qayyim, Muḥamad b Abī Bakr. *Madārij al-Sālikīn Bayn iyāka Na'budu wa Iyyāka Nasta'in*, (Kaherah: Dar al-Ḥadīth, 2003), 3: 298-300.

wahyu (al-Qur'an dan hadis). Ketiga, ahli tasawuf (*ahl al-wujd wa al-kashf*) berpandukan wahyu (al-quran dan hadis), akal dan *kashaf*.<sup>16</sup>

Untuk membezakan antara *wahdah al-wujūd al-muwahhidah* (*al-wujudiyah muwahhidah*) dengan *wahdah al-wujūd al-mulhidah* (*al-wujudiyah al-mulhidah*). Maka disini dihuraikan secara ringkas istilah-istilah digunakan dalam mentahkikkn kewujudan Allah kewujudan hakiki pada martabat khalik (*qāim binafsihi*) manakala alam sebagai makhluk (*kullu mā qamā bighairihi*) yang dihurai dengan pelbagai istilah seperti wujud *majazi*, *adam*, *mumkin*, *zill*, *manam*, *batil*, *khayal*, *waham*. Huraian berikut adalah berdasarkan gabungan daripada beberapa kitab Melayu dan syarahan ringkas daripada berapa kitab Arab bagi memudahkan penjelasan<sup>17</sup>.

Dalam *al-Tuḥfah al-Mursalāh*, terdapat tujuh martabat untuk membezakan antara martabat Allah yang sentiasa tetap dalam kedudukan *fa'iliyyah* dan *khaliqiyyah*, wujud *mutlaq*, Esa serta *qadim* manakala alam sentiasa dalam kedudukan *adam*, makhluk dan baharu. Terdapat beberapa istilah dinisbahkan kepada Allah untuk menunjuk wujud hakiki, kesempurnaan, *tanzih* dan *taqdis* seperti hakikat diri-Nya (*kunh al-dhāt*) diri-Nya sahaja (*dhāt al-baht*), kesempurnaan mutlak (*kamal dhāti*), ghaib mutlak (*ghayb al-mutlāq*), kaya mutlak (*al-Ghinā al-mutlaq*) tiada sesuatu apa pun bersama-Nya (*al-'amā'*). Kewujudan Allah dalam hal ini tidak mampu diketahui dan dicerapi melalui deria, imaginasi, akal atau kiasan kerana kewujudan-Nya adalah amat Mutlaq.

Manakala makhluk, *kull mā siwā Allāh* dikenali dengan pelbagai istilah seperti *al-'a'yān al-thābitah*, *ma'lūm ilm Allāh*, *ma'lūmāt al-ḥaq*, *ḥaqā'iq al-mumkinah*, *al-ḥaqāiq al-insāniyyah* dan lain-lain. Hukum kedudukan segala entiti-entiti alam atau objek yang dikenali dengan istilah *al-'a'yān al-thābitah* dan lain-lain yang berada secara tetap dalam ilmu Allah secara umum dan terperinci melalui hubungan maknawi *irtibāt mā'nāwi* dan *'ubūdiyyah bisiyādah*, keberadaan mereka tetap dihukum dengan istilah seperti tiada (*ma'dum*), tiada secara sandaran (*al-'adām al-idāfi*), ketiadaan nisbah (*adām nisbiyy*), tidak wujud sepenuhnya (*al-adām al-mahd*) dan ketiadaan yang bersifat *mumkin al-wujud* (*al-'adām al-imkāni*) di sisi Allah kerana belum dikeluarkan dengan kalimah *kun* untuk merasai nikmat wujud material di alam shahadah.

Selepas perintah *Kūn* segala entiti yang wujud ini di alam shahadah atau alam takwin atau *al-'a'yān al-khārijīyyah*. Wujud aini dikira dengan hukum sebagai baharu (*muḥdāth*), diciptakan (*makhlūq*) secara ijmak oleh ulama mutakallimin dan sufi. Terdapat beberapa istilah yang digunakan untuk menunjukkan proses penciptaan, dan penzahiran objek-objek di alam *shahadah* atau *khārijīyyah* dengan beberapa istilah seperti *ibraz*, *ikhraj*, *izhar*, *ijad*, *khalq*, *ibda'*, *imdad*, *ikhtira'*. Selepas *kun*, semua martabat alam ruh, alam arwah, alam mithal, alam ajsad dan martabah Insan adalah di hukum baharu dan makhluk.

Tujuh martabat ini dilihat sebagai formula untuk golongan sufi mengenal Allah melalui tujuh martabah secara ringkas dan membezakan antara martabah Allah yang sentiasa tetap dalam kedudukan (*martabah*). Wujud Mutlaq, Esa serta *qadim* manakala alam sentiasa dalam kedudukan makhluk dan baharu. Konsep *wahdah al-wujūd* ini tidak boleh difahami secara literal pada istilah, tetapi memerlukan kepada syarahan dan huraian yang jelas daripada kitab-kitab muktabar sufi. Huraianannya bertepatan dengan kaedah terkenal sufi, *al-Rābb rābb wain yanzil wa al-'abd 'abd wain yartaqā* (Rabb tetap berada dalam martabah Rabb walaupun

<sup>16</sup> Al-Zabidī, Muḥammad b. Muḥammad, *Ithāf al-Sadāt al-Muttaqīn bi sharḥ Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*, (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1989), 20.

<sup>17</sup> al-Ghazalī, Muḥammad Muḥammad, *Ihyā' 'Ulūm al-Dī*, (Beirut: Dār al-Fikr, 1995), 4: 211-220.



menurun (dari sudut bahasa sahaja) dan hamba tetap berada dalam martabah hamba walaupun menaik)<sup>18</sup>.

Secara umumnya, terdapat pengertian *waḥdat al-wujūd* iaitu dari aspek perspektif penglihatan dan pengalaman kerohanian merujuk kepada penglihatan dan kefanaan mata hati secara *mushāhadah wa al-i'tibār* bahawa kesemua kewujudan alam ini datang daripada Allah tanpa ada *ittihad* dan *hulul* dan meninggalkan hukum Syariah. Ia memberi pengertian bahawa wujud Allah adalah hakiki dan wujud alam adalah majazi kerana kebergantungan wujud alam kepada Allah Taala yang menciptakan alam daripada tiada kepada ada. Ia lebih memberi pengertian dengan istilah lain iaitu *shuhūd waḥdah fī al-kasthrah* dan *shuhūd kastrah fī al-waḥdah, waḥdāt al-shuhūd, wujūd al-waḥid dan fana' fī al-tawḥid*<sup>19</sup>. Shah Wali Allah al-Dihlawi selepas mengkaji pemikiran Ibn 'Arabī dalam *waḥdah al-wujūd* dan Ahmad al-Sirhindi dalam *waḥdah al-huhūd*, maka didapati bahawa keduanya adalah *khilāf lafzīy* sahaja dan mempunyai dasar yang sama namun hanya berbeza pada istilah, ibarat dan huraian sahaja<sup>20</sup>.

Para ulama tasawuf telah membahagikan pengertian *waḥdah al-wujūd* ini kepada tiga penafsiran:

**Pertama:** Setiap makhluk yang wujud secara zahir dan batin adalah milik Allah yang Maha Esa dan dijadikan oleh-Nya dalam kewujudan khas berdasarkan kehendak-Nya. Kewujudan Allah Yang Maha Esa mempunyai ciri-ciri khusus, tiada sekutu bagi-Nya dan tiada kesamaan hakiki (*mathāliyyah ḥaqīqiyyah*) dengan kewujudan dan KeEsaan-Nya amat berbeza dengan ciri-ciri kewujudan makhluk dan hakikatnya yang berbilang-bilang.

**Kedua:** Allah wujud dengan Dhat-Nya yang *mutlaq, qadīm*, Esa dan tiada sekutu dalam kewujudan hakiki-Nya manakala segala alam adalah *wujud jaiz mumkin* yang bergantung kepada wujud mutlaq Allah. Ia memberi pengertian bahawa alam asalnya bermula dengan tiada lalu diwujudkan oleh Allah.

**Ketiga,** ialah kesatuan Allah dengan alam secara *ittihad* dan *hulul*<sup>21</sup>.

Penafsiran pertama dan kedua masih mempunyai prinsip perbezaan di antara Allah sebagai pencipta dan alam sebagai makhluk tanpa wujud *ittihad* dan *hulul* serta pengukuhan hukum taklif dan Syariah. Penafsiran ini tidak bertentangan dengan prinsip akidah dan syariat. Huraian ini telah ditafsirkan dengan beberapa istilah seperti *waḥdāt al-shuhūd, wujūd al-waḥid dan fana' fī al-tawḥid*. Pandangan ini telah dipegang oleh ulama sufi muktabar seperti Imām Abū Ḥamīd Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī, Shaykh Muḥammad 'Alī Ibn 'Arabī, Shaykh Sharaf al-Dīn al-Farīd, Shaykh Sulaymān 'Afīfuddīn al-Tilimsānī, Shaykh Aḥmad bin Abd al-Aḥad al-Sirhindi, Shaykh 'Abd al-Ḥaq bin Sab'īn, Shaykh 'Abd al-Karīm Jilī, Shaykh Fadl Allāh al-Burhānfurī, Shaykh Abdul Ghanī al-Nabulusī, Shaykh Aḥmad al-Qushāshī, Shaykh 'Abd al-Raḥman al-Suyūtī, Shaykh Shah Walī Allāh al-Dihlāwī, Shaykh Muḥammad Ja'far al-Kattānī, 'Abd al-Ṣamād al-Falimbangī, Shaykh Dāud al-Faṭānī dan Shaykh Muḥammad Nafīs al-Banjārī.

<sup>18</sup> Muhammad Khairi Mahyuddin et al, "Penjelasan dan Analisis Kritikal Doktrin Martabat Tujuh dalam Kerangka Ahli Sunnah Wal Jamaah", *Journal of Ifta and Islamic Heritage*, Vol. 2, No. 1 (2023), 115-128.

<sup>19</sup> al-Ghazālī, Muḥammad Muḥammad, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*. (Beirut: Dār al-Fikr 1995), Juzuk 4, 211-220.

<sup>20</sup> Muhammad Abdul Haq Ansar, *Sufism and Shariah A study of Shaykh Ahmad Sirhindi's Effort to Reform Sufism*, (United Kingdom: The Islamic Foundation, 1990), 114-117.

<sup>21</sup> al-Kattānī, Muḥammad Ja'far, *Jalā' al-Qulūb min al-Asdā' al-Ghainiyyah bi Bayān Iḥatāthi Ṣallā Allāh 'alaihi wa Sallām bi al-'ulūm al-Kawniyyah*, (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2005), 399-426 ; Muhammad Khairi Mahyuddin et al, "Penjelasan dan Analisis Kritikal Doktrin Martabat Tujuh Dalam Kerangka Ahli Sunnah Wal Jamaah", *Journal of Ifta and Islamic Heritage*, Vol. 2, No. 1 (2023). 115-130.

Imam Ahmad al-Sirhindī tidak menolak secara mutlaq *waḥdah al-wujūd*. Walaupun bagi beliau *waḥdah al-shuhūd* lebih tinggi daripada *waḥdah al-wujūd*, tetapi beliau mengiktiraf istilah-istilah dalam mazhab Ibn ‘Arabī dan perlu ditakwil dan tidak boleh difahami secara literal. Malah ibarat-ibarat Ibn ‘Arabī perlu dihuraikan dengan penafsiran yang luas merangkumi pelbagai aspek. Hal ini kerana kalimah yang digunakan oleh Ibn ‘Arabī adalah sangat mendalam dan boleh disalah tafsir. Sebab itulah, Ahmad al-Sirhindī juga mengaku bahawa kebanyakan pendapat Ibn ‘Arabī adalah benar dalam mentahkikkan kebanyakan masalah tersebut.

وكان هذه المسئلة يعني مسئلة التوحيد الوجودي لم تكن محررة وملخصة فيما بين متقدمي الصوفية كما ينبغي وكل من كان منهم مغلوب الحال ظهر منه كلمة في التوحيد شبيه بالقول بالإتحد وهو لم يطلع على سرها من غلبة السكر ولم يصرفها من ظاهرها الذي منع شائبة الحلول وإلتحد ولما وصلت النوبة إلى الشيخ الأجل محي الدين بن العربي قدس سره شرح هذه المسئلة الدقيقة من كمال المعرفة وبوبها وفصلها ودونها تدوين الصرف والنحو ومع ذلك لم يفهم جمع من هذه الطائفة مراده فخطأوه وطعنوه فيه وأطلقوا عليه لسان الملام والشيخ محق في أكثر تحقيقات هذه المسئلة والطاعنون فيه بعيدون عن الصواب

Maksudnya: *masalah wujudiyah ini ialah masalah yang tidak ditahrirkan dan ditalkhiskan oleh para sufi terdahulu seperti yang dikehendaki oleh syariah. Setiap daripada mereka telah ditenggelami oleh hal kerohanian sehingga terbitlah daripada lidah mereka ungkapan tawhid yang menyerupai makna ittihad dan tidak dilihat makna tersirat daripada hal kemabukan kerohanian dan tidak ditakwil makna zahir ungkapan tersebut yang boleh menghalang daripada makna hulul dan ittihad. Tatkala sampai kepada Ibn ‘Arabī, beliau telah menghuraikan masalah wujudiyah secara halus dengan kesempurnaan ma’rifah, disusunkannya dan diperincikannya, dan ditulisnya dengan gaya ilmu saraf dan nahu dengan cara berikut maka segolongan kaum sufi tidak memahaminya, maka sebahagian mereka menyalahkannya, dan menuduhnya dan melemparkan kata-kata celaan kepadanya sedangkan Shaykh Ibn ‘Arabī adalah benar dalam kebanyakan tahqiqnya dalam masalah (wujudiyah) dan orang yang mencelanya adalah tersasar daripada kebenaran<sup>22</sup>.*

Untuk mengukuhkan usul *wujūdiyyah muwaḥhidah* dalam kerangka *tawhid dhawqī* dan *wujdanī* yang sebenar, tiada *ittihad* dan *hulūl* serta pengukuhan hukum Syariah dan taklif syarak, maka ‘Abd al-Wahhab al-Sha’rānī meletakkan beberapa pendapat Ibn ‘Arabī bagi menunjukkan asal pemikiran *wujūdiyyah muwwahhidah* seperti berikut:<sup>23</sup>

<sup>22</sup> Al-Sirhindī, Ahmad Abd al-Aḥad, *Al-Maktubāt li al-Imām al-‘Alīm al-Rabbanī al-Mujaddid li alfi al-Thānī Ahmad al-Farūqī al-Sirhindī, Mua’rrib al-Maktubāt al-Shari’ah al-Marsūm bi al-Dūrr al-Maknunāt al-Nāfisah*, Terjemahan Muhammad Murad al-Qazani, (Istanbul: Siraj Kitabevi, t.th), 491.

<sup>23</sup> Al-Sha’rānī, ‘Abd al-Wahhāb Ahmad, *Al-Yawāqit wa al-Jawāhir fī Bayān ‘Aqā’id al-Akābir*, (Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, t. th), 88-107.

وقال في عقيدته الوسطى: اعلم أن الله تعالى واحد بالإجماع، ومقام الواحد يتعالى أن يحل فيه شيء، أو يحل هو في شيء، أو يتحد في شيء

Maksudnya: dan berkata pada kitabnya *al-'Aqidah al-Wusta: Ketahuilah bahawa Allah Adalah Esa dengan Ijma' dan maqam Esa. Maha suci Allah daripada sesuatu berada di dalam-Nya atau Dia berada dalam sesuatu atau bersatu dalam sesuatu.*

وقال في باب الأسرار: لا يجوز لعارف أن يقول: أنا الله، ولو بلغ أقصى درجات القرب، وحاشا العارف من هذا القول حاشاه، إنما يقول: أنا العبد الذليل في المسير والمقبل

Maksudnya: dan berkata pada bab *al-Asrar: Tiada harus bagi seseorang Arif billah mengatakan bahawa aku adalah Allah walaupun telah mencapai setinggi-tinggi darjat kehampiran. Mustahil bagi seorang Arif mengatakan perkataan demikian, mustahil baginya. Sesungguhnya dia perlu berkata Aku adalah hamba yang hina dalam ehwal kehidupan dan percakapan.*

وقال في الباب التاسع والستين ومائة: القديم لا يكون قط محلاً للحوادث، ولا يكون حالاً في المحدث

Maksudnya: dan berkata pada bab 169: Yang *Qadim itu tidak sama sekali menjadi tempat bagi makhluk baharu dan juga tidak bersatu dengan makhluk yang baharu.*

وقال في الباب التاسع والخمسين وخمسمائة بعد كلام طويل: وهذا يدل على أن العالم ما هو عين الحق، ولا حل فيه الحق، إذ لو كان عين الحق، أو حل فيه لما كان تعالى قديماً ولا بديعاً

Maksudnya: dan berkata pada bab 559 selepas kalam yang Panjang: Ini menunjukkan kepada engkau bahawa alam ini bukan diri *al-Ḥaq* dan *al-Ḥaq* tiada mengambil tempat dalam alam ini kerana jika alam ini adalah diri *al-Ḥaq* atau mengambil tempat dalam alam tentulah Allah Taala tidak *Qadim* dan bukan pencipta tanpa tandingan.

وقال أيضاً في الباب الثاني والتسعين ومائتين: من أعظم دليل على نفي الحلول والاتحاد الذي يتوهمه بعضهم، أن تعلم عقلاً أن القمر ليس فيه من نور الشمس شيء، وأن الشمس ما انتقلت إليه بذاتها، وإنما كان القمر محلاً لها، فكذلك العبد ليس فيه من خالقه شيء ولا حل فيه

Maksudnya: Sebesar-besar dalil yang menafikan hulul dan ittihad yang menjadi salah fahaman bagi sebahagian golongan, kamu mengetahui secara rasionalnya (analogi) bahawa bulan tiada menerima sesuatu pun daripada cahaya matahari dan matahari pula tidak berpindah kepada bulan. Sesungguhnya bulan adalah tempat menerima cahaya matahari sahaja.

*Maka begitu juga hamba, tiada di dalamnya suatu pun daripada hakikat Penciptanya dan tiada pula Pencipta mengambil ruang dalam diri hamba.*

قال في الباب السادس والأربعين ومائتين من الفتوحات: إياك أن ترمي ميزان الشرع من يدك في العلم الرسمي بل بادر إلي العمل بكل ما حكم به... واعلم أن تقديم الكشف على النص ليس بشيء عندنا لكثرة اللبس على اهله وإلا الكشف الصحيح لا يأتي قط إلا موافقا لظاهر الشريعة

*Maksudnya: berkata pada bab 246 daripada kitab al-Futūḥāt :Janganlah kamu membuang timbangan Syariah ditanganmu daripada ilmu rasmi (ilm al-shari'at) bahkan segeralah kepada amal dengan apa yan ditentukan dengannya. Sesungguhnya mendahulukan kashaf atas nas (quran & sunnah) bukan daripada pegangan kami kerana terlalu bayak kesamaran kepada ahlinya melainkan kashaf yang sahah yang tidak sama sekali datang melainkan bertepatan dengan zahir syariah.*

Daripada analisa ini dapat disimpulkan bahawa penafsiran pertama dan kedua boleh dikategorikan sebagai fahaman atau aliran *wujūdiyyah muwahhidah* atau *wahdat al-wujūd al-muwahhidah* yang boleh diterima dan dipegang. Manakala penafsiran ketiga boleh dikategorikan sebagai *wujūdiyyah al-mulhidah* atau *wahdah al-wujūd al-mulhidah* yang tidak boleh diterima dan dipegang oleh pengamal tarekat sufi. Pendapat ini adalah ditolak oleh para ulama kerana wujud unsur *ittihad* dan *hulul* seperti tiada perbezaan Pencipta dan dicipta, diri manusia berada dalam dhat Allah, alam ini *qadim*, tiada taklif Syariah, melanggar hukum aqal, dan hukum syarak yang disepakati, tiada hukum halal dan haram serta lain-lain lagi. Fahaman *ittihad* dan *hulul* ini secara ijma' ulama sama ada dari ulama fikah, ahli kalam dan ahli tasawuf mengatakan sebagai batil, kufur dan zindiq<sup>24</sup>

Daripada huraian ringkas di atas, doktrin *wahdah al-wujūd* yang diolah secara ringkas oleh para ulama Melayu adalah tidak bertentangan dengan asas akidah. Hal ini disebabkan *wahdah al-wujūd* yang dibincangkan menurut metode sufi masih berpegangan dengan hukum aqal yang disepakati oleh ulama kalam dan sufi iaitu hukum wajib, mustahil dan harus dan hukum Syariah dan taklif Syariah serta perbezaan antara martabah Allah sebagai Khaliq Esa dan Qadim. Tiada sekutu dan persamaan secara mutlak bagi-Nya dan alam sebagai makhluk, baharu dan tidak kekal. Perbezaannya adalah pada istilah yang digunakan dan cara pemahaman perbincangan tawhid sufi berdasarkan konsep *wahdah al-wujūd* ini memang sukar difahami jika dibaca dengan sekilas pandangan sahaja. Hal ini kerana para ulama Melayu sufi menghuraikannya secara ringkas, banyak petikan pendek, istilah-istilah sufi, perkataan kiasan serta analogi yang memerlukan syarahan yang cukup. Ibarat-ibarat yang digunakan juga membuka ruang untuk disalah fahami jika seseorang itu tidak mempunyai persediaan yang cukup daripada sumber bacaan sufi muktabar yang lain. Hal ini diperkuat dengan pendapat Imām al-Suyūṭī, Abd al-Raḥman bin Abī Bakar dalam kitab *al-Hawā li al-Fatāwā*.

قال العلامة جلال الدين السيوطي رحمه الله تعالى: (واعلم أنه وقع في عبارة بعض المحققين لفظ الاتحاد، إشارة منهم إلى حقيقة التوحيد، فإن الاتحاد عندهم هو المبالغة في التوحيد.

<sup>24</sup> *Tuhfah al-Rāghibīn bi Bayān Ḥaqīqah Imān al-Mu'minīn*, (Thailand: Maktabah wa Matba'ah Muḥammad al-Nahdī wa Auladah, t.th) 12-17; *Sharḥ Uṣūl al-Taḥqīq*, (Pulau Pinang: Percetakan al-Ma'arif Sdn Bhd, t.th), 27-36.

والتوحيد معرفة الواحد والأحد، فاشتبه ذلك على من لا يفهم إشاراتهم، فحملوه على غير محمله؛ فغلطوا وهلكوا بذلك... فإذا أصل الاتحاد باطل محال، مردود شرعاً وعقلاً وعرفاً بإجماع الأنبياء ومشايخ الصوفية وسائر العلماء والمسلمين، وليس هذا مذهب الصوفية، وإنما قاله طائفة غلاة لقلة علمهم وسوء حظهم من الله تعالى، فشابهوا بهذا القول النصارى الذين قالوا في عيسى عليه السلام: اتَّخَذَ نَاسِئُتُهُ بِلَاهُوتِهِ. وأما مَنْ حَفِظَهُ اللهُ تَعَالَى بِالعِنَايَةِ، فإِنَّهُمْ لَمْ يَعْتَقِدُوا اتِّحَاداً وَلَا حُلُولاً، وَإِنْ وَقَعَ مِنْهُمْ لَفْظُ اتِّحَادٍ فإِنَّمَا يَرِيدُونَ بِهِ مَحْوَ أَنْفُسِهِمْ، وَإِثْبَاتَ الْحَقِّ سَبْحَانَهُ. وَقَدْ يُذَكَّرُ اتِّحَادٌ بِمَعْنَى فَنَاءِ الْمُخَالَفَاتِ، وَبِقَاءِ الْمَوَافَقَاتِ، وَفَنَاءِ حِطْوَيْ النَّفْسِ مِنَ الدُّنْيَا، وَبِقَاءِ الرِّغْبَةِ فِي الْآخِرَةِ، وَفَنَاءِ الْأَوْصَافِ الذَّمِيمَةِ، وَبِقَاءِ الْأَوْصَافِ الْحَمِيدَةِ، وَفَنَاءِ الشُّكِّ، وَبِقَاءِ الْيَقِينِ، وَفَنَاءِ الْغَفْلَةِ وَبِقَاءِ الذِّكْرِ.

وأما قول أبي يزيد البسطامي رحمه الله تعالى: [سبحاني، ما أعظم شأنني] فهو في معرض الحكاية عن الله، وكذلك قول من قال: [أنا الحق] محمول على الحكاية، ولا يُظَنُّ بِهَوْلَاءِ الْعَارِفِينَ الْحُلُولِ وَالِاتِّحَادِ، لِأَنَّ ذَلِكَ غَيْرُ مَظْنُونٍ بِعَاقِلٍ، فَضْلاً عَنِ الْمُتَمَيِّزِينَ بِخُصُوصِ الْمَكَاشِفَاتِ وَالْيَقِينِ وَالْمَشَاهِدَاتِ. وَلَا يُظَنُّ بِالْعُقَلَاءِ الْمُتَمَيِّزِينَ عَلَى أَهْلِ زَمَانِهِم بِالْعِلْمِ الرَّاجِحِ وَالْعَمَلِ الصَّالِحِ وَالْمُجَاهِدَةِ وَحِفْظِ حُدُودِ الشَّرْعِ الْغَلَطُ بِالْحُلُولِ وَالِاتِّحَادِ، كَمَا غَلَطَ النَّصَارَى فِي ظَنِّهِمْ ذَلِكَ فِي حَقِّ عِيسَى عَلَيْهِ السَّلَامُ. وَإِنَّمَا حَدِثَ ذَلِكَ فِي الْإِسْلَامِ مِنْ وَاقِعَاتٍ جَهْلَةٍ الْمُتَّصِفَةِ، وَأَمَّا الْعُلَمَاءُ الْعَارِفُونَ الْمُحَقِّقُونَ فَحَاشَاهُمْ مِنْ ذَلِكَ. وَالْحَاصِلُ أَنَّ لَفْظَ اتِّحَادٍ مُشْتَرِكٌ، فَيُطْلَقُ عَلَى الْمَعْنَى الْمَذْمُومِ الَّذِي هُوَ أَخُو الْحُلُولِ، وَهُوَ كُفْرٌ. وَيُطْلَقُ عَلَى مَقَامِ الْفَنَاءِ اصْطِلَاحاً صَالِحاً عَلَيْهِ الصُّوفِيَّةُ، وَلَا مَشَاحَةَ فِي الْاصْطِلَاحِ، إِذْ لَا يَمْنَعُ أَحَدٌ مِنْ اسْتِعْمَالِ لَفْظٍ فِي مَعْنَى صَحِيحٍ، لَا مَحْذُورَ فِيهِ شَرْعاً، وَلَوْ كَانَ ذَلِكَ مَمْنُوعاً لَمْ يَجْزِ لِأَحَدٍ أَنْ يَتَفَوَّهُ بِلَفْظِ اتِّحَادٍ، وَأَنْتَ تَقُولُ: بيني وبين صاحبي زيد اتحاد.

*Maksudnya: Imām al-Suyūṭī berkata: ketahuilah bahawa apa yang berlaku dalam ibarat kalam sebahagian muhaqiqin lafaz 'ittihad' ialah isyarat mereka kepada hakikat tauhid. Maka sesungguhnya kalimah 'ittihad' di sisi mereka ada mubalaghah makna tauhid, dan tauhid ialah makrifah Tuhan yang Satu dan Esa. Maka berlaku kekeliruan bagi orang yang tidak memahami isyarat mereka dan memahaminya bukan dengan maksud sebenar, akibatnya mereka tersilap dan binasa dengan (maksud yang batil) yang demikian. Sebenarnya asal ittihad adalah batil dan mustahil ditolak oleh sharak, aqal dan adat dengan ijmak para anbiya, segala mashaikh sufiah dan muslimin. Bukanlah (ittihad dan hulul yang batil) itu pegangan mazhab ahli sufi yang sebenar. Perkataan tersebut (ittihad dan hulul yang batil) diucapkan oleh pelampau sufi yang kurang ilmu dan buruk nasib mereka daripada Allah, mereka telah menyerupakan perkataan tersebut ittihad dan hulul yang batil) dengan pegangan agama Nasrani yang menyatakan Nabi Isa ialah manusia yang bersatu dengan Tuhannya.*

*Manakala orang-orang yang dipelihara oleh Allah dengan Inayah-Nya, maka mereka tidak beriktihad dengan ittihad dan hulul yang batil. Jika berlaku lafaz ittihad maka yang dikehendaki dengan perkataan tersebut, ialah hilanglah kewujudan diri mereka (secara rasa di dalam hati), mengisbatkan hanya kewujudan Allah. Maka adakalanya maksud sebutan 'ittihad' itu dengan maksud-maksud lain seperti lebur segala yang bertentangan (dengan syariah), kekal selari (dengan syariah), leburlah bahagian nafsu keduniaan, kekal kasih pada akhirat, lebur sifat-sifat keji, kekal sifat-sifat terpuji, lebur syak, kekal yakin, lebur kelalaian dan kekal zikir. Manakala perkataan Abu Yazid al-Bistami, semoga Allah merahmatinya, maha suciku alangkah lebih besar urusanku, maka perkataan tadi adalah atas jalan hikayah (cerita) daripada Allah. Begitu juga perkataan Aku al-Haq ditafsirkan atas jalan hikayat juga (dari Allah) dan janganlah disangka orang-orang arifin dengan maksud ittihad dan hulul yang batil. Bukan sedemikian sangkaan tersebut bagi orang yang beraqal apatah lagi bagi orang-orang yang istimewa diberi anugerah khusus mukashafah, keyakinan dan musyahadah. Jangan disalah sangka dengan keadaan kelebihan kerohanian mereka pada ahli zaman meraka dengan ilmu yang jelas dan amal soleh mujahadah, memelihara undang-undang Syariah daripada pengertian (ittihad dan hulul yang batil) sepertimana kesalahan orang Nasrani menyangka kepada Nabi Isa AS. Sesungguhnya apa yang berlaku (ittihad dan hulul yang batil) dalam Islam berpunca daripada kelakuan kejahilan sebahagian kumpulan yang mendakwa ahli sufi. Secara realitinya, para ulama 'arifun muhaqiqun adalah dipelihara diri mereka daripada iktihad batil yang demikian. Sebenarnya lafaz 'ittihad' adalah mushtarak (berkongsi lafaz yang sama tetapi maknanya berbeza mengikut nisbah penggunaan dan maksud), maka jika dilafazkan kepada makna yang keji maka itu adalah saudara hulul dan hukumnya kufur. Maka bila dilafaz pada maksud maqam fana' yang diteloh difahami oleh makna sebenar ahli sufi (maka maksudnya benar) dan tiada perselisihan dalam penggunaan istilah dan tiada tegahan bagi seseorang menggunakannya pada makna yang sahih dan tiada tegahan dalam Syariah. Dan jika lafaz ittihad (secara mushtarak) ditegah secara mutlak, maka tidak dibenarkan bagi sesiapa pun untuk melafaz perkataan ittihad (secara mushtarak) dan itu adalah seperti kamu menyebut "diantara aku dan kawan aku, zayd, kesatuan."<sup>25</sup>*

Imam al-Sanusi, Muhammad b. Yusuf juga memberi komentar ringkas dalam penggunaan 'ittihad' dan 'fana' dalam konteks sufi:

*عبارات بعض الصوفية التي ظاهرها الاتحاد قالوها في حالة الفناء وعزا بعض اصحاب المقالات على بعض الصوفية القول بالاتحاد وربما أخذوا ذلك من شطحات تنقل عن بعضهم كقولهم ما في الجبة إلا الله وأنا الحق ونحو ذلك وبعض العلماء الطريق يتأول لهم وينزهم عن اقول بمثل هذه المقالة يقول إن السالك ربما طرأت عليه حالة لا يشاهد فيها إلا الله تعالى فتغيب نفسه*

<sup>25</sup> Al-Suyūṭī, Abd al-Raḥman bin Abī Bakār, *al-Hawī li al-Fatāwā fī al-Fiqh wa 'Ulūm al-Tafsīr wa al-Hadīth wa al-Naḥw wa al-I'rāb wa Sā'ir al-Funūn*, (Beirut: Dār al-kutub al-'ilmiyyah, 2015), 122-130.

عنه فضلا عن غيرها ويعبرون عن هذه الحالة بالفناء فيجري على لسانه مثل هذه الألفاظ وهي حالة سكر وغلبة وإذا رجع إلى صحوه وإحساس نفسه.. لم يصدر منه شيء من ذلك ويعذر ومنهم من أخذهم وحكم بالقتل كفتوى الجنيد في الحلاج

*Maksudnya: Ibarat sebahagian sufi pada zahirnya seumpama 'ittihad' dan mereka menyebutnya sebagai fana. Sebahagian penulisan para ulama telah menisbahkan kepada sebahagian ahli sufi perkataan dengan ittihad. Kemungkinan perkataan tersebut berpunca daripada syahahat yang dipetik daripada perkataan mereka seperti tiada dalam diri melainkan Allah dan "aku al-haq" dan seumpamanya. Sebahagian ulama tareqat mentakwilkan maksud tersebut bukan secara literal bagi mereka dan membersihkan mereka daripada perkataan tersebut (secara lafaz dan maksud yang batil). Dan berkata bahawa seseorang salik apabila hilang keadaan dirinya, tiada melihat apa-apa dalam kewujudan diri melainkan kewujudan Allah, maka menghilangkan dirinya sendiri (wujud majazi) daripada kewujudan hakiki Allah, malah tiada langsung melihat wujud dirinya sendiri. Mereka mengibaratkan keadaan tersebut dengan fana. Maka berjalanlah di atas lidah mereka seumpama lafaz-lafaz tadi dalam keadaan mabuk rohani dan tenggelam diri dan apabila mereka kembali sedar dan merasai kewujudan diri tidak terucap perkataan-perkataan sebegitu sebelum ini daripada diri mereka. Akibat daripada itu, ada yang memberi keuzuran kepada mereka dan ada yang mengambil hukum ke atas mereka dengan hukum bunuh seperti fatwa Junaid ke atas al-Hallaj.<sup>26</sup>*

Secara asasnya terdapat perbezaan yang amat ketara antara *wujūdiyyah muwaḥhidah* dan *mulḥidah*. Ciri-ciri *wujūdiyyah muwaḥhidah* ialah terdapat perbezaan wujud antara Allah sebagai *wajib al-wujud, mutlaq*, Esa dan *qadim* dan alam sebagai *wujud mumkin muqayyad*, berbilang dan baharu, menepati semua usul akidah yang disepakati oleh golongan *mutakallimin* dan *fuqaha'* seperti hukum akal (wajib, harus, mustahil), hukum Syariah (wajib, sunnat, harus, makruh dan haram), taklif Syariah', *tanzih*, dan *taqdis* dan lain-lain usul yang tidak bertentangan dengan usul Syariah. Manakala *wujūdiyyah mulḥidah* ialah tiada perbezaan wujud antara Allah dan alam, doktrin *ittihad* dan *hulul*, bertentangan usul akidah yang disepakati oleh golongan *mutakallimin* dan *fuqaha'* dari segi hukum aqal dan syariah, tiada taklif syariah, *tajsim* dan *mushabihat* dan lain-lain yang bertentangan dengan usul syariah.

Untuk mengetahui perbezaan antara *waḥdah al-wujūd* boleh rujuk beberapa kitab untuk memudah pemahaman seperti:

- a) Al-Sha'ranī, Abd al-Wahāb. *al-Yawāqīt wa al-Jawāhir fī Bayān 'Aqā'id al-Akābir*.
- b) Ibrāhīm b. Ḥassan al Kurānī. *Matla' al-Jūd bi Taḥqīqi al-Tanzīh 'An Waḥdah al-Wujūd*

<sup>26</sup> Anas Muḥammad Adnān al Sharfāwī, pentahkik kitab *al-Aqīdah Al-Kubrā al-Musammā Umdah Ahli al-Tawfīq Wa al-Tasḍīd* memberi komentar dalam nota kaki kitab tersebut, bahawa Imām al-Sanūsī mengikut pendapat Ibn al-Tilmisānī dalam *Sharḥ Ma'ālīm Uṣūl al-Dīn* mengenai fatwa Junaid ke atas al-Hallaj. Anas Muḥammad Adnan meringkaskan fakta berdasarkan penulisan Al-Allāmah al-Ḥāfīz al-Muarrīkh Abd Allāh bin As'ād al-Yafī'iy dalam *Mirāt al-Jinān* menyebut bahawa Junaid al-Baghdādī dan Muḥammad bin Dāud al-Zahīrī merupakan ulama yang memberi fatwa keatas al-Ḥallāj adalah fakta tidak tepat kerana Imam Junayd meninggal pada tahun 298 Hijrah dan Muḥammad bin Dāud al Zahīrī meninggal pada 210 Hijrah sebelum kisah pembunuhan al-Ḥallāj yang meninggal pada 30 Hijrah. Lihat, al-Sanūsī, Muḥammad b Yūsuf. *Sharḥ al-Aqīdah al-Kubrā al-Musammā Umdah Ahli al-Tawfīq wa al-Tasḍīd* (Dimashq: Dār al-Taqwa, 2019), 255-266.

- c) Muḥammad ‘Alī b. Zahīr al-Watārī. *Fawāid Jalīlah Takshifu ‘An Ma’nā Waḥdah al-wujūd wa Masā’il Qalīlat Taqrab Aṣl Ma Zahaba Ilayhi Ahl al-Irfān Wa al-Shuhūd.*
- d) al-Kattānī, Muḥammad Ja’far. *Jalā’ al-Qulūb Min al-Asdā’ al-Ghainiyyah bi Bayān Ihātatihī Ṣallā Allāh ‘alaihi Wa Sallām bi al-Culūm al-Kawniyyah.*
- e) al-Nabulusī Abd al-Ghanī Ismā’il. *Idah al-Maqṣūd min Ma’nā Waḥdah al-wujūd*

Dalam hal ini, pelbagai ulama sufi muktabar menggunakan pelbagai ibarah, istilah dan sudut pandangan yang pelbagai dalam menjelaskan pengukuhan kefahaman secara *aql* dan *dhawqī* serta *wijdanī* dalam mentauhidkan Allah dan penjelasan perbezaan-Nya dengan alam dengan syarat tidak melanggar usul tawhid yang telah disepakati oleh para ulama *mutakallimin* dan *fuqaha*. *Waḥdah al-wujūd* merupakan *tawhid dhawqī* dan *wijdanī* adalah bersifat tenggelam diri dalam penyaksian dengan hati (*istiqrāq fī al-shuhūd bi al-qalb*) dan bersifat pengalaman kerohanian adalah amat luas. Semua huraian ulama sufi adalah menuju kepada matlamat yang sama untuk mentawhidkan Allah atas kefahaman berdasarkan tahap kedalaman *mashrab* kerohanian masing-masing. Allah SWT berfirman:

قَدْ عَلِمَ كُلُّ أُنَاسٍ مَشْرَبَهُمْ كُلُوا وَاشْرَبُوا مِنْ رِزْقِ اللَّهِ وَلَا تَعْثَوْا فِي الْأَرْضِ مُفْسِدِينَ

Maksudnya: Sesungguhnya tiap-tiap satu puak di antara mereka) telah mengetahui tempat minumannya masing-masing. Dan Kami berfirman: "minumlah kamu dari rezeki Allah itu, dan janganlah kamu merebakkan bencana kerosakan di muka bumi.

(al-Baqarah 2: 60)

فَلْ كُلُّ يَعْمَلْ عَلَىٰ شَاكِلَتِهِ فَرَبُّكُمْ أَعْلَمُ بِمَنْ هُوَ أَهْدَىٰ سَبِيلًا

Maksudnya: Katakanlah (wahai Muhammad): "Tiap-tiap seorang beramal menurut pembawaan jiwanya sendiri; maka Tuhan kamu lebih mengetahui siapakah di antara kamu yang lebih betul jalannya.

(al-Isrā’ 17: 84)

Jika terdapat kesalah fahaman dalam penafsiran *waḥdah al-wujūd* dalam kefatwaan, kesalahan tersebut perlu dilihat dalam bentuk yang perlu diperhalusi dan dicermati. *Sighah* seperti sesat, *bid’ah dalalah*, salah, *fasiq* dan bercanggah dengan fahaman Ahli Sunnah wal Jamaah masih boleh digunakan untuk menyedarkan kesalahan tersebut untuk mudah membuat pendakwaan, penguatkuasaan dan *istitabah*. Kesalahan kefahaman *waḥdah al-wujūd* perlu ditentukan secara spesifik berdasarkan kumpulan atau kepimpinan tertentu dan nyatakan kesalahan penafsirannya sebagai *wujūdiyyah mulḥidah* agar lebih jelas. Manakala *sighah* atau penghukuman kufur atau terkeluar daripada Islam mempunyai implikasi yang amat besar di dunia dan akhirat. Kesalahan tersebut mestilah bersifat sangat jelas, *qat’iy*, tiada ruang takwil dan *ijma’* para ulama.

## KESIMPULAN

Disebabkan oleh kesukaran dan kesulitan memahami makna sebenar *waḥdah al-wujūd* yang menjadi istilah khas *tawhid* sufi berdasarkan *manhaj al-kashaf* yang digunakan oleh golongan sufi, maka di sini disarankan beberapa cadangan untuk memahami ajaran tawhid tersebut dengan fahaman sebenar. Antaranya ialah pertama, mempunyai persediaan asas ilmu akidah dan Shariah dengan baik serta menguasai bahasa Arab dan seninya. Kedua, mengaplikasikan



konsep takwil ketika wujud pertentangan dengan logik akal yang berkemungkinan mengandungi makna lain, atau terdapat takdir pada ibarat perkataan dan ayat. Ketiga, mestilah memahami istilah-istilah sufi menurut makna yang dikenali dan dipegang dalam mazhab sufi. Keempat, jika masih kabur dengan makna istilah dan huraian sufi, maka perlulah merujuk kepada sumber-sumber asal sufi yang muktabar sebagai rujukan dan syarahan makna sebenar. Kelima, perlu memahami ajaran sufi dalam konteks yang luas untuk memahaminya secara komprehensif. Kefahaman yang sempit akan menghalang mencari kebenaran makna yang diletakkan. Kefahaman yang jelas boleh menambahkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah.

Manakala kesilapan memahami doktrin *waḥdah al-wujūd* dalam kitab-kitab Melayu sufi boleh merosakkan akidah kerana melanggar prinsip hukum akal yang telah disepakati iaitu wajib, mustahil, harus dan hukum Syariah serta hukum taklif. Masalah utama kesalahan fahaman *waḥdah al-wujūd* secara literal ini ialah membawa fahaman *ittihad* dan *hulul* atau *phanteism* seperti fahaman bahawa Allah itu alam dan insan, keqadiman alam, Allah berada atau bersatu dalam jasad manusia, tiada taklif Syariah zahir, berfahaman Jabariyyah dan Zindiq, fahaman Atheisme dan lain-lain lagi yang bertentangan dengan usul akidah. Oleh itu, doktrin *waḥdah al-wujūd* yang dihuraikan ulama sufi Melayu adalah *waḥdah al-wujūd muwahhidah* adalah tidak bertentangan dengan akidah ASWJ. Mereka menggunakan istilah dan pendekatan sufi untuk menerangkan secara ringkas hubungan Allah dengan makhluk dan perbezaan martabah Allah sebagai khalik dan alam sebagai makhluk baharu.

## RUJUKAN

- Abdul Fattah Haron Ibrahim, *Ahli Sunnah dan Wujudiah-Batiniah (Mengenai Ajaran Salah)*, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam. 1999.
- Al-Ghazali, Muhammad Muhammad, *Ihya' 'Ulum Al-Din*, 4, Beirut: Dār Al-Fikr: 1995.
- Al-Ghazali, Muhammad Muhammad. *Mishkāt Al-Anwār, (Majmu'ah al-Rasā'il)*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.th
- Al-Kattānī, Muḥammad Ja'far, *Jalā' al-Qulūb min al-Asdā' al-Ghainiyyah bi Bayān Iḥatāṭihi Ṣallā Allāh 'alaihi wa Sallām bi al-'ulūm al-Kawniyyah*, (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2005.
- Al-Kurdī, Muḥammad Amīn. *Tanwīr al-qulūb fī mu'āmalah allam al-quyūb*, Beirut: Dār al-Fikr, 1994.
- Al-Nabulusi Abd Al-Ghanī Ismā'il, *Idah al-Maqṣūd Min Ma'na Waḥdah al-Wujūd*, Kaherah: Dār Afaq Al-Arabiyyah, 2003.
- Al-Nabulusi Abd al-Ghanī Ismā'il, *Jawāhir al-Nusūs fī Ḥall Kalimāt al-Fusūs*, Beirut: Dār Al-Kutub Al-'Ilmiyyah, 2008.
- Al-Quran
- Al-Sanusī, Muḥammad b Yūsuf. *Sharḥ al-Aqīdah al-Kubrā al-Musammā Umdah Ahli al-Tawfīq wa al-Taṣdīd*, Dimashq: Dār al-Taḳwa, 2019.
- Al-Sayūtī, Abd al-Raḥman bin Abī Bakar, *al-Hawī li al-Fatāwā fī al-Fiqh wa 'Ulūm al-Tafsīr wa al-Ḥadīth wa al-Naḥw wa al-Īrāb wa Sā'ir al-Funūn*, Beirut: Dār al-kutub al-'ilmiyyah, 2015.
- Al-Sha'rānī, Abd al-Wahāb Aḥmad, *al-Yawāqit wa al-Jawāhir fī Bayān 'Aqā'id al-Akābir*, Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, t. th.
- Al-Sirhindī, Aḥmad Abd al-Aḥad. *al-Maktubāt li al-Imām al-'Alīm al-Rabbanī al-Mujaddid li alfi al-Thānī Aḥmad al-Farūqī al-Sirhindī, Mua'rrab al-Maktubāt al-Sharīcah al-*

- Marsūm bi al-Dūrr al-Maknunāt al-Nāfisah*, Terjemahan Muḥammad Murad al-Qazani, Istanbul: Siraj Kitabevi, t.th.
- Bidī, Muḥammad b. Muḥammad, *Ithāf al-Sadāt al-Muttaqīn bi Sharḥ Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, 1989.
- Ibn Qayyīm, Muḥamad b. Abī Bakr, *Madārīj al-Sālikīn Bayn iyāka Na'budu wa Iyyāka Nasta'in*, Juzuk 3, Kaherah: Dar al-Ḥadīth, 2003.
- Kompilasi Pandangan Hukum Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) , Kuala Lumpur: JAKIM 2021.
- Mohd Nasir Mohd Tap, *Mencarik Ilusi Mengapai Realiti Wacana Tasawuf, Tareqat & Pemikiran Kalam Imam Ahmad Al-Sirhindi*, Selangor : Akademi Kajian Ketamadunan 2009.
- Muhammad Abdul Haq Ansari, *Sufism and Shariah A study of Shaykh Ahmad Sirhindi's Effort to Reform Sufism*, UK : The Islamic Foundation: 1990.
- Muhammad Khairi Mahyuddin, Ahmad Najaa' Mokhtar, Faudzinaim Badaruddin, Abdull Rahman Mahmood, Wan Haslan Khairuddin, Khairatul Akmar Ab Latif, “Penjelasan dan Analisis Kritikal Doktrin Martabat Tujuh Dalam Kerangka Ahli Sunnah Wal Jamaah”, *Journal of Ifta and Islamic Heritage*, Vol. 2, No. 1, 2023.
- Muhammad Khairi Mahyuddin, *al-Tawhid from Sufi's Perspective An Analytical Study of al-Durr al-Nafis of Muhammad Nafis al-Banjari*, Selangor: Akademi Jawi Malaysia Sdn Bhd , 2021.
- Sharḥ Usul al-Tahqiq*, Pulau Pinang: Pecetakan al-mu'arif Sdn Bhd, t.th.
- Tuhfah al-Rāghibīn bi Bayān Haqiqah Imān al-Mu'minīn*, Thailand: Maktabah wa Maṭba'ah Muḥammad al-Nahdī wa Auladah, t.th.
- Wan Sulaiman b. Wan Wan Sidik. *Hawd al-Mawrud fi Bayan Waḥdah al-wujūd*, Pulau Pinang: Persama Press, 1916.
- Zayn al-Ābidīn Ibn Muḥammad, *Aqīdah al-Najīn fī 'Ilm Uṣūl al-Dīn*, Taḥqīq & Taklīq: Abū Qutaybah Rashidī Abd al-Raḥman al-Faṭānī, Fatani: Al-Ma'had al-'Alī li Dirāsāt al-Islāmiyyah wa al-'Arabiyyah, 2020.